

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah bilangan kaunselor sedia ada pada masa kini mencukupi bagi membantu masyarakat memandangkan faktor tekanan hidup yang semakin meningkat dari pelbagai aspek pada masa kini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberikan perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi menerusi tiga agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara kepada semua lapisan masyarakat Malaysia dalam bentuk kaunseling keluarga, komuniti dan individu.

Berdasarkan data sehingga 31 Januari 2016, Kementerian mempunyai sejumlah 201 pegawai dan penolong pegawai psikologi di seluruh Malaysia yang menawarkan perkhidmatan Intervensi Kaunseling dan Psikologi. Pegawai Psikologi di KPWKM memberikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi di 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri di seluruh negara, 17 cawangan pejabat di LPPKN serta 4 orang Pegawai Psikologi di Ibu Pejabat JPW. Selain itu, Kementerian ini juga telah menyediakan

Talian Kasih (15999) yang memberikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi tanpa mengira masa sepanjang 24 jam 365 hari.

Menyedari keperluan perkhidmatan ini semakin penting dan berkembang selaras dengan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan menitikberatkan pembangunan modal insan, penekanan juga diberi kepada aspek psikologi. Oleh itu, KPWKM telah mengambil kira elemen psikologi dan kaunseling dalam penyusunan program dan perkhidmatannya. Selain daripada perkhidmatan kaunseling, lain-lain perkhidmatan seperti penaksiran psikologi, intervensi krisis, psikoterapi, retreat keluarga dan psiko-pendidikan disediakan kepada masyarakat Malaysia.

Dikemukakan statistik bagi Pegawai Psikologi, Jenis Intervensi yang dikendalikan, Kumpulan sasar klien, Program-program Psikososial dan Perkhidmatan Aduan Talian Kasih yang telah dilaksanakan oleh Pegawai Psikologi KPWKM bagi memastikan perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi diberikan kepada semua rakyat Malaysia ke arah pembangunan modal insan yang cemerlang dari segi emosi, kognitif dan tingkahlaku.